

UCAPAN DI BAWAH USUL

BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (p.m.17)

Masalah Banjir dan Hakisan di Sepanjang Sungai Linggi

(Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli)

YB CHA KEE CHIN (RASAH): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan masalah banjir yang seringkali melanda kawasan perumahan di sepanjang laluan Sungai Linggi.

Sungai Linggi melalui beberapa kawasan perumahan di Parlimen Rasah sebelum ke muaranya di Linggi. Di antara kawasan yang dilalui oleh Sungai Linggi termasuk Kampung Pasir, Kampung Dato' Mansur, Kampung Batu 3 Mambau, Kampung Sri Mantau dan beberapa kawasan perumahan lain.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli tentang masalah banjir yang seringkali melanda kawasan-kawasan tersebut, khasnya selepas hujan lekas. Insiden terkini berlaku pada petang 4 Jun 2019, iaitu petang menjelang Hari Raya Aidilfitri. Sebahagian rumah di beberapa kawasan perumahan di sepanjang Sungai Linggi telah dimasuki air dan dilanda banjir, yang turut menjejaskan persiapan raya para penduduk.

Beberapa bahagian tebing Sungai Linggi telah terhakis, khasnya di Kampung Sri Mantau, keadaan ini telah berterusan sejak sekian lama. Namun, tiada kerja memperbaiki tebing atau membina semula tebing sungai yang baru dilakukan sehingga kini. Keadaan semasa juga mengakibatkan hakisan terus berlaku, dengan air sungai akan menghakis secara berterusan dan mengakibatkan keadaan semakin memudaratkan para penduduk.

Selaku Ahli Parlimen kawasan, saya ingin memohon perhatian serius daripada pihak Kementerian dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) peringkat Negeri Sembilan dan Daerah Seremban, agar tindakan yang efektif dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Tindakan segera amat diperlukan agar masalah banjir dapat dielakkan, sambil hakisan pada tebing sungai dapat dicegah dengan lebih berkesan.

Saya ingin mendapatkan maklumat berikut daripada pihak Kementerian:

- i) Berapakah peruntukan daripada kerajaan persekutuan yang telah disalurkan untuk tujuan tebatan banjir, menaiktaraf atau membaikpulih tebing Sungai Linggi, khususnya di kawasan Parlimen Rasah untuk tahun-tahun 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018?
- ii) Berapakah peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk rancangan tebatan banjir dan membaikpulih tebing Sungai Linggi, khususnya di kawasan Parlimen Rasah untuk tahun 2019, dan bilakah peruntukan ini akan diturunkan?
- iii) Apakah kerja-kerja yang akan dilakukan untuk tahun ini untuk lokasi yang dinamakan di dalam perenggan ii) di atas?
- iv) Apakah rancangan jangka panjang yang akan dilaksanakan di lokasi yang dinyatakan di perenggan ii) di atas dan bilakah ia akan dilaksanakan, serta berapakah kosnya?

Saya memohon kerjasama daripada Kementerian untuk mmemberikan maklumat terhadap soalan-soalan di atas dan apa-apa langkah berkesan

daripada pihak Kementerian agar hakisan tebing dan banjir dapat dielakkan pada masa hadapan.

Sekian, Terima Kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DISALURKAN BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2018

Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah memperuntukan sejumlah peruntukan kepada JPS Negeri Sembilan bagi mengurangkan risiko banjir dan mengatasi masalah hakisan tebing sungai di Negeri Sembilan. Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, peruntukan yang diagihkan kepada JPS Daerah Seremban adalah seperti berikut:-

TAHUN	KESELURUHAN PERUNTUKAN JPS DAERAH (RM)	AGIHAN PERUNTUKAN BAGI SG LINGGI (RM)	KAWASAN	SKOP KERJA
2014	800,000.00	54,190.00	Bt. 3, Mambau, Kg Seri Mantau	Kerja Pengukuhan Tebing
2015	600,000.00	115,800.00	Kg Seri Mantau	Kerja Pengukuhan Tebing dan Drop Struktur
2016	1,050,00.00	140,000.00	Bt. 3, Mambau	Sistem Perparitan dan Pengukuhan Tebing
2017	1,310,000.00	600,000.00	SRJK(C) Kelpin, Kg Singh	Kerja Pengukuhan Tebing dan Penyaluran
2018	1,150,000.00	19,800.00	Kg Dusun Nyoir	Kerja Penyaluran Anak Air Sg Linggi

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DISALURKAN BAGI TAHUN 2019

Bagi tahun 2019, Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM1,060,000.00 kepada JPS Daerah Seremban untuk menyelesaikan masalah hakisan tebing dan saluran sungai bagi seluruh Daerah Seremban dan Nilai. Dari peruntukan tersebut, sebanyak RM300,000.00 adalah bagi menyelesaikan masalah di Sungai Linggi. Satu sebutharga telah dikeluarkan pada bulan Mei 2019 bagi menjalankan kerja-kerja membaikpulih hakisan tebing yang telah berlaku di kawasan Kg. Pasir dan juga di tebing SRJK(C) Kelpin hasil daripada aduan yang telah diterima dari YB Mary Josephine Prittam Singh (ADUN Rahang) dan juga YB Cha Kee Chin (Parlimen Rasah).

RANCANGAN JANGKA PANJANG BAGI SUNGAI LINGGI

Pada tahun 2001, Kementerian melalui JPS telah melantik perunding bagi menjalankan kajian Kemungkinan Rancangan Tebatan Banjir bagi Sungai Linggi. Berdasarkan kajian tersebut, beberapa projek secara berfasa telah dijalankan bagi mengurangkan risiko banjir. Sejak pelaksanaan projek dari tahun 2009 hingga 2015, hasil dari pelaksanaan projek secara berfasa tersebut sepanjang 27 km telah disiapkan. Sepanjang 10 km akan disiapkan dalam projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 4 yang sedang dilaksanakan di bawah RMKe-11.

Penyelesaian masalah banjir bagi Lembangan Sungai Linggi secara menyeluruh sepanjang 65 km dengan anggaran kos RM265 juta. Walaubagaimanapun, peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-11 adalah RM70 juta iaitu hanya melibatkan 10 km panjang sungai. Bagi Fasa 5, peruntukan yang akan dipohon di bawah RMKe-12 adalah RM100 juta.

Pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Linggi Fasa 1 sehingga Fasa 3 adalah di kawasan Parlimen Port Dickson manakala projek Fasa 4 yang sedang dilaksanakan adalah di kawasan Parlimen Seremban. Masalah banjir terutama di kawasan Parlimen Rasah dijangka akan dapat diatasi dengan pelaksanaan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 5 yang merangkumi keseluruhan jajaran Parlimen Rasah. Antaranya adalah Kg Pasir, Kg Singh, Taman Happy, Kg Chedang dan Kg Sri Mantau

ISU BANJIR KILAT PADA 4 JUN 2019

Kejadian banjir kilat telah berlaku pada 4 Jun 2019 di sekitar kawasan Daerah Seremban. Antara kawasan yang terjejas adalah di **Kg Ismail (Ampangan), Blok C (Ampangan), Kg Pasir, Kg Singh, Taman Happy, Kg Chedang dan Kg Sri Mantau**. Kejadian banjir kilat ini berlaku di antara jam 6.00pm sehingga ke 8.00pm. bacaan hujan yang telah direkodkan semasa kejadian tersebut adalah sebanyak **81mm** bagi Stesen Hujan Stor JPS dan juga **114mm** di Stesen Hujan Tunku Ampuan Najihah. Jumlah hujan tersebut turun dalam tempoh kurang dari 1 jam. Manakala bagi bacaan aras Sungai Linggi pula telah merekodkan bacaan tertinggi iaitu **35.60m** berbanding bacaan normalnya pada aras 32.50m.

Hasil pemantauan dan tinjauan di tapak yang telah dilakukan, didapati antara punca berlakunya banjir kilat tersebut adalah kerana hujan yang sangat lebat selain masalah sistem perparitan gagal berfungsi apabila aras ketinggian Sungai Linggi meningkat. Longkang-longkang utama di kebanyakan kawasan gagal menyalurkan air larian dan air hujan ke sungai kerana aras sungai terlalu tinggi menyebabkan berlakunya *backflow* ke kawasan yang rendah.

Susulan daripada kejadian banjir kilat yang telah berlaku, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Daerah Seremban telah melaksanakan kerja-kerja penyaluran sungai segera bagi Sungai Batang Penar dan juga Sungai Paroi yang mana kedua-dua sungai ini merupakan anak sungai bagi Sungai Linggi dengan kos sebanyak RM20,000.00. Dengan perlaksanaan kerja penyaluran tersebut, ianya dapat membantu melancarkan aliran air longkang terus ke sungai.

Disamping itu, kerja-kerja penyaluran bagi sungai Linggi sepanjang 3km bermula dari Kampung Pasir ke Taman Happy juga telah dijalankan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2019. Cadangan penyelesaian segera dengan membina *bypass* laluan longkang utama ke Sungai Linggi di kawasan Kampung Singh pula akan dikaji secara terperinci sama ada ianya dapat membantu mengurangkan banjir yang sering berlaku ataupun tidak.

Jabatan juga akan melaksanakan langkah berjaga-jaga dari semasa ke semasa sekiranya kejadian yang sama berulang kembali dengan menyediakan pam bergerak di lokasi-lokasi yang terlibat. Pemantauan terhadap cuaca semasa akan dilakukan dengan kerjasama Jabatan

Meteorologi. Pam bergerak akan bersedia untuk digunakan di lokasi jangkaan dalam tempoh 3 hari sebelum kejadian berlaku.

HAKISAN TEBING DI KAMPUNG SRI MANTAU

Bagi permasalahan hakisan tebing Sg Linggi yang berlaku di Kg Sri Mantau pula, ianya dalam pemerhatian dan pemantauan JPS Daerah Seremban. Ini adalah kerana kawasan tersebut melibatkan tanah persendirian yang akan dibangunkan oleh pemaju untuk pembinaan rumah kedai 2 tingkat. JPS Negeri Sembilan telah mensyaratkan kepada pemaju tersebut untuk membaikpulih keseluruhan tebing Sungai Linggi yang terhakis di kawasan Kg Sri Mantau sebelum memberi sebarang kebenaran dalam melaksanakan pembinaan tersebut. Pihak pemaju juga telah mengemukakan beberapa cadangan bagi membaikpulih tebing sungai tersebut untuk perhatian dan semakan JPS Negeri Sembilan.

Kerja-kerja di tapak telah mula dilaksanakan pada Mei 2019 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir Mei 2020.

Sekian, terima kasih.